

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,  
PARLIMEN EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH (SUNGAI  
BULOH)**

**TARIKH : 11 OGOS 2020 ( SELASA )**

**SOALAN**

**TUAN R. SIVARASA [ SUNGAI BULOH ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan baru akan meneruskan pembentangan Rang Undang Undang Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) serta memansuh atau meminda Akta Hasutan 1948.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 1 April 2020 bersetuju supaya tanggungjawab RUU IPCMC diserahkan kepada Kementerian Dalam Negeri (KDN). Selaras dengan keputusan Jemaah Menteri, KDN telah mengambil inisiatif dengan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Khas Kajian (JKK) yang turut dianggotai oleh wakil Polis Diraja Malaysia (PDRM). Rang undang-undang baharu ini dicadang untuk dibentangkan di sesi Dewan Rakyat setelah mendapat persetujuan Jemaah Menteri.

Penyebaran maklumat atau berita yang berunsur hasutan melalui media sosial secara tidak bertanggungjawab dalam kalangan rakyat Malaysia dikhuatiri boleh menjejaskan keselamatan dan ketenteraman awam. Sehubungan itu, Kementerian berpandangan bahawa Akta Hasutan 1948 masih relevan dengan mengambil kira struktur masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan bangsa.